



**BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM  
SMK PUJUT MIRI**

**Himpunan Soalan & Jawapan Novel  
Berdasarkan  
Soalan Percubaan Negeri 2022 &  
2023**

**Novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor**

**Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman**

*Disediakan oleh Cikgu Voon Tze Ming, SMK Pujut Miri*

Arahan kepada murid :

1. Baca dan cuba hafalkan jawapan yang telah disediakan.
2. Bagi soalan yang tidak mempunyai jawapan lengkap, ikuti perbincangan cikgu di dalam kelas dan catat jawapan yang dibincangkan.
3. Jangan 'last minutes' baru ingin membuat ulang kaji novel.



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

### Soalan WPKL 2022

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menggambarkan cabaran yang dialami oleh watak dalam karya tersebut.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
<p>Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa yang menggambarkan cabaran yang dialami oleh watak.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Aqram mencari Farisha sehingga mencuri cawan yang pernah digunakan oleh Farisha bagi mengkaji kesan air liur. Disebabkan kegigihan Aqram, hasilnya menunjukkan Farisha ialah orang yang ingin dicarinya. Peristiwa ini menunjukkan cabaran seseorang untuk menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan oleh ketuanya.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Farisha dan Rosman ditawarkan projek mini yang bernilai RM 1.5 juta untuk menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu. Disebabkan tugas ini berat, Farisha meminta pendapat daripada Azraai. Peristiwa ini menunjukkan cabaran rakan kongsi untuk menyempurnakan tugas dalam tempoh yang singkat dengan kepakaran yang sedia ada.</p>	<p>Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menggambarkan cabaran yang dialami oleh watak.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Haiqal mempelajari tarian zapin daripada Pak Cik Bakar dan Lazim kerana dia tidak pandai menari tarian zapin namun dia ingin menghidupkan Kumpulan D'Purnama semula. Untuk mengatasi cabaran ini, Haiqal gigih mempelajari tarian zapin. Peristiwa ini menunjukkan cabaran seseorang pemuda dalam mengekalkan warisan kesenian.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Haiqal tidak dibenarkan untuk menziarahi jenazah bapa kandungnya yang telah meninggal dunia ketika usianya 12 tahun atas alasan dia sedang menduduki UPSR. Peristiwa ini menunjukkan cabaran seseorang anak yang ingin berjumpa dengan bapa kandungnya yang telah berpisah sejak kecil.</p>

### Soalan YIK 2022

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, terdapat unsur saspens yang membuatkan pembaca berdebar. Jelaskan dua sebab pembaca berasa saspens.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
<p>Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa saspens.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Farisha pengsan di Soft Lab. Aqram, Khairul Anwar dan Dr. Maxi berasa terkejut dan menelefon ambulans</p>	<p>Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa saspens.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Haiqal bertekad pergi ke Johor seorang diri walaupun dihalang keras oleh uminya. Umi juga menyatakan bahawa</p>



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

supaya Farisha mendapat rawatan segera. Pembaca akan tertanya-tanya sebab Farisha pengsan di Soft Lab.

Seterusnya, peristiwa yang membuatkan pembaca berasa saspens ialah peristiwa Shida menjalani sesi komunikasi bawah sedar. Shida menjalani sesi komunikasi di bawah sedar sehingga dia meronta-ronta dan membantingkan diri. Pembaca akan tertanya-tanya sebab Shida meronta-ronta dan keadaan sebenar komunikasi bawah sedarnya.

dia tidak akan memberikan sebarang wang perbelanjaan kepada Haiqal. Pembaca akan tertanya-tanya sama ada misi haiqal untuk menjejaki kehidupan lampau ayah berjaya atau sebaliknya.

Seterusnya, peristiwa yang membuatkan pembaca berasa saspens ialah peristiwa Haiqal bertanya kepada Ong See Hwa sama ada dia merupakan gadis yang pandai menari zapin seperti digambarkan melalui watak Ai Ling dalam manuskrip ayahnya. Ong See Hwa hanya mengangkat bahu tanpa memberikan respons. Pembaca akan tertanya-tanya sama ada Ong See Hwa merupakan gadis tersebut.

### Soalan Terengganu MPP3 2022 / Perak Set 2 2023

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan sikap keprihatinan masyarakat dalam novel-novel tersebut.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat sikap keprihatinan masyarakat.	Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat sikap keprihatinan masyarakat.

*\*Nota kepada calon : Soalan ini meminta jawapan dari dua buah novel. Oleh itu, daripada jawapan yang diberikan cikgu, pilih satu peristiwa dari novel T4 dan satu peristiwa dari novel T5.*

### Soalan Selangor Set 2 2022

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan.	Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan.
Peristiwa pertama ialah peristiwa Farisha berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba. Disebabkan hal ini, Farisha telah ditawarkan projek mini di Soft Lab. Farisha juga berjaya mengesan kelemahan sistem Dinara walaupun	Peristiwa pertama ialah peristiwa Abdullah bin Kayan mengenal potensi See Hwa dalam bidang deklamasi puisi. Abdullah bin Kayan telah mengajar See Hwa cara mendeklamasi puisi sehingga See Hwa berjaya memenangi



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

<p>Aqaram hanya memberikan penerangan ringkas kepadanya. Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan seseorang dalam bidang pengkomputeran.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Karl mencipta cyborg yang begitu sempurna. Karl telah mencipta Aqaram yang memiliki rupa paras yang menarik sehingga Farisha tidak dapat melupakannya. Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan seseorang dalam bidang sains.</p>	<p>pertandingan deklamasi puisi di sekolahnya. Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan seseorang guru dalam mengenal pasti potensi murid.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Haiqal menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama kembali. Haiqal telah bekerjasama dengan Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Wak Arif untuk melaksanakan impian arwah ayahnya kerana dia tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang zapin. Peristiwa ini menunjukkan kebijaksanaan seseorang dalam merancang strategi.</p>
---	--

### Soalan Kelantan 2022

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa kagum akan watak utama.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
<p>Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa kagum akan watak utama.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Farisha berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba. Disebabkan hal ini, Farisha telah ditawarkan projek mini di Soft Lab. Farisha juga berjaya mengesan kelemahan sistem Dinara walaupun Aqaram hanya memberikan penerangan ringkas kepadanya. Pembaca berasa kagum akan Farisha kerana kebijaksanaannya dalam bidang pengkomputeran.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Farisha menghadiri The 3<sup>rd</sup> Malaysia Computer Security Symposium bersama Rosman. Farisha menghadiri simposium tersebut kerana dia sangat berminat untuk mendengar ucap tama Philips Young dan dia juga ingin meningkatkan ilmu</p>	<p>Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa kagum akan watak utama.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama secara bersendirian walaupun mendapat tentangan daripada umi. Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama kerana dia ingin menjejaki kehidupan ayah kandungnya Abdullah bin Kayan. Pembaca berasa kagum akan Haiqal kerana Haiqal teguh dengan pendirian diri tanpa mengenal erti putus asa.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Haiqal menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama kembali. Haiqal telah bekerjasama dengan Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Wak Arif untuk melaksanakan impian arwah ayahnya kerana dia tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang zapin. Pembaca berasa kagum akan</p>



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

pengetahuannya berkaitan dengan keselamatan komputer. Pembaca berasa kagum akan Farisha kerana kerajinannya dalam menimba ilmu pengetahuan.

Haiqal kerana kebijaksanaannya dan kegigihannya dalam memastikan matlamat tercapai.

### Soalan MPSM Pahang 2022

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang menunjukkan sikap keberanian dalam kehidupan.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
<p>Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa yang menunjukkan sikap keberanian dalam kehidupan.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa keberanian Karl menyelamatkan anaknya daripada ancaman. dia terpaksa melarikan Farisha daripada Medina kerana Medina sudah gila dan hendak membunuh anak sendiri. Farisha akhirnya diserahkan kepada keluarga Azraai sebagai anak angkat. Peristiwa ini menunjukkan keberanian seorang ayah yang tidak ingin melihat anaknya diancam.</p> <p>Peristiwa seterusnya ialah peristiwa keberanian Azraai mendedahkan identiti sebenar adik angkatnya. Azraai berani mengambil risiko untuk memberitahu Farisha bahawa adiknya merupakan anak angkat kepada keluarga mereka walaupun dia mengetahui adiknya akan berasa sedih apabila diberitahu hakikat tersebut. Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang untuk mendedahkan perkara sebenar.</p>	<p>Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menunjukkan sikap keberanian dalam kehidupan.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa keberanian Tauke Ong memulakan kehidupan di tempat yang asing baginya. Tauke Ong yang berbeza latar belakang budaya dan agama mengambil tindakan berani untuk berpindah dan menetap di Kampung Seri Purnama yang majoritinya dihuni oleh masyarakat Melayu. Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang dalam menyesuaikan diri di tempat yang berbeza budaya.</p> <p>Selain itu, peristiwa yang menunjukkan sikap keberanian dalam kehidupan ialah peristiwa Haiqal berani pergi ke Kampung Seri Purnama secara bersendirian walaupun mendapat tentangan daripada umi. Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama kerana dia ingin menjejaki kehidupan ayah kandungnya Abdullah bin Kayan. Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang untuk mencapai matlamat tanpa berputus asa.</p>



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

### Soalan Daerah Limbang, Sarawak 2022

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang menzahirkan perasaan sedih pembaca terhadap watak-watak yang terlibat.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
<p>Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa yang menzahirkan perasaan sedih pembaca terhadap watak-watak yang terlibat.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Karl menyeksa Rusmina sehingga cacat kerana Rusmina enggan meninggalkan Islam dan menukarnya menjadi cyborg. Peristiwa ini menzahirkan perasaan sedih pembaca terhadap Rusmina kerana kekejaman suaminya yang menyeksanya.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Farisha dimasukkan mikrocip oleh Karl tanpa ubat bius ketika Farisha masih bayi dengan tujuan menjadikan Farisha seorang genius. Peristiwa ini menzahirkan perasaan sedih terhadap Farisha yang menjadi bahan uji kaji bapa kandungnya demi kepentingan bapanya.</p>	<p>Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menzahirkan perasaan sedih pembaca terhadap watak-watak yang terlibat.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Umi melarang Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama untuk menjejaki kehidupan arwah ayahnya dan mengugutnya tidak akan memberikan wang belanja kepada Haiqal. Peristiwa ini menzahirkan perasaan sedih kerana hajat anak tidak direstui oleh seorang ibu.</p> <p>Selain itu, peristiwa yang menzahirkan perasaan sedih pembaca ialah peristiwa</p>

### Soalan Perak Set 1 2022

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan perasaan kasih sayang.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menggambarkan perasaankasih sayang.

Dalam novel Di Sebalik Dinara, peristiwa yang menggambarkan perasaan kasih sayang ialah peristiwa Azraai memasang 'retinal scanner' dan interkom pada pintu apartmen Farisha kerana Azraai bimbang akan keselamatan adiknya atas sebab kes pecah rumah yang kerap berlaku. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang abang untuk melindungi adiknya.

Dalam novel Silir Daksina, peristiwa yang menggambarkan perasaan kasih sayang ialah

---

---



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

### Soalan Perak Set 2 2022 / Kedah 2023 / MRSM 2023

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menggambarkan kerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
<p>Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa yang menggambarkan kerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Aqram, Dr Maxi dan kakitangan Soft Lab bekerjasama untuk menyelamatkan Dinara daripada kemusnahan. Aqram dan Dr Maxi bersungguh-sungguh menjejaki Farisha untuk menyelamatkan Dinara daripada musnah. Mereka telah berusaha untuk mendekati Farisha dengan pelbagai cara seperti mengambil cawan yang pernah digunakan oleh Farisha untuk memastikan Farisha ialah orang yang ingin dicari mereka. Peristiwa ini menunjukkan kerjasama antara rakan sekerja untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan.</p> <p>Peristiwa seterusnya ialah peristiwa Rosman dan Farisha saling bekerjasama untuk membangunkan Syarikat kongsi mereka iaitu Secured Shell. Rosman dan Farisha berusaha untuk memperluas syarikat mereka ke tahap yang lebih tinggi. Hasil usaha mereka telah meyebabkan mereka ditawarkan projek di Soft Lab yang bernilai RM 1.5 juta. Peristiwa ini menunjukkan kerjasama antara rakan kongsi untuk memperoleh keuntungan.</p>	<p>Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menggambarkan kerjasama dalam menjayakan sesuatu perkara.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa kerjasama penduduk Kampung Seri Purnama dalam menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula di Kampung Seri Purnama. Haji Jamil telah membentuk sebuah jawatankuasa bagi majlis persembahan zapin. Tauke Ong telah memberikan sokongan kepada program tersebut. Dia menghadiri mesyuarat bersama-sama See Hwa di balai raya pada malam itu dan bersetuju untuk menaja makanan bagi majlis persembahan zapin nanti. Peristiwa ini menunjukkan penduduk berbilang kaum bekerjasama untuk menjayakan program di tempat sendiri.</p> <p>Peristiwa seterusnya ialah peristiwa Pak Cik Bakar, Wak Arif, Haji Salim, Cikgu Amirulnizam, Tauke Lim dan penduduk kampung yang lain hidup harmoni dan bekerjasama dalam menjayakan sesuatu aktiviti. Hubungan Tauke Lim dengan Amirulnizam dan penduduk kampung begitu baik walaupun mereka berlainan bangsa. Peristiwa ini menunjukkan kerjasama berbilang kaum demi keharmonian hidup.</p>

### Soalan Bangsar, KL 2023 / Melaka 2023

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang dapat menerapkan ketabahan dalam diri pembaca bagi setiap novel.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang dapat menerapkan ketabahan dalam diri pembaca.



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

Dalam novel Di Sebalik Dinara, peristiwa yang dapat menerapkan ketabahan dalam diri pembaca ialah \_\_\_\_\_

---

---

---

---

Dalam novel Silir Daksina, peristiwa yang dapat menerapkan ketabahan dalam diri pembaca ialah \_\_\_\_\_

---

---

---

---

### Soalan Terengganu 2023

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang menimbulkan kemarahan kepada pembaca.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menimbulkan kemarahan kepada pembaca.

Dalam novel Di Sebalik Dinara, peristiwa yang menimbulkan kemarahan ialah peristiwa Karl menyeksa Rusmina sehingga cacat kerana Rusmina enggan meninggalkan Islam dan menukarnya menjadi cyborg. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana seorang suami yang tidak bertanggungjawab untuk menyayangi isterinya.

Dalam novel Silir Daksina, peristiwa yang menimbulkan kemarahan ialah peristiwa Haiqal dilarang oleh Umi untuk menziarahi jenazah bapa kandungnya yang telah meninggal dunia buat kali terakhir ketika usianya 12 tahun atas alasan dia sedang menduduki UPSR. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana seorang ibu yang tidak membenarkan anaknya berjumpa dengan bapa kandungnya buat kali terakhir.

### Soalan Kelantan 2023

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa bagi setiap novel yang pada pendapat anda dapat dijadikan motivasi oleh pembaca.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang dapat dijadikan motivasi oleh pembaca.





## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

Dalam novel Di Sebalik Dinara, peristiwa yang dapat dijadikan motivasi oleh pembaca ialah peristiwa Aqram, Dr.Maxi dan Khairul Anwar bekerjasama untuk mencari Farisha sehingga berjaya dan melemahkan WALL dalam minda Farisha dengan tujuan membaca fikirannya. Peristiwa ini boleh dijadikan motivasi kepada pembaca supaya bekerjasama dengan rakan sekumpulan untuk mencapai sesuatu matlamat.

Dalam novel Silir Daksina, peristiwa yang dapat dijadikan motivasi oleh pembaca ialah peristiwa Haiqal mempelajari tarian zapin daripada Pak Cik Bakar dan Lazim kerana dia tidak pandai menari tarian zapin namun dia ingin menghidupkan Kumpulan D'Purnama semula. Peristiwa ini boleh dijadikan motivasi kepada pembaca dalam mengekalkan warisan kesenian.

### Soalan Negeri Sembilan 2023

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa pada bahagian permulaan yang menarik minat pembaca.

Novel Tingkatan 4	Novel Tingkatan 5
<p>Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor. Terdapat peristiwa pada bahagian permulaan yang menarik minat pembaca.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Aqram mengambil cawan kecil yang digunakan oleh Farisha untuk menguji kesan air liur yang melekat pada cawan dan hasilnya menunjukkan Farisha ialah individu yang ingin dicari mereka. Peristiwa ini menarik kerana Aqram bijak dalam menggunakan pelbagai cara untuk memastikan matlamatnya tercapai.</p> <p>Peristiwa kedua ialah peristiwa Aqram menawarkan satu projek lumayan bernilai RM1.5 juta kepada Farisha dan Rosman supaya Farisha boleh menyelamatkan sistem Dinara yang telah dirosakkan oleh Medina. Peristiwa ini menarik kerana tawaran ini merupakan agenda tersembunyi Karl.</p>	<p>Novel yang saya kaji ialah Novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa pada bahagian permulaan yang menarik minat pembaca.</p> <p>Peristiwa pertama ialah peristiwa Haiqal menerima sebuah manuskrip daripada Ong See Hwa dan dia mengambil keputusan untuk pergi ke Kampung Seri Purnama bagi menjejaki kehidupan ayah kandungnya. Peristiwa ini menarik kerana kegigihan seseorang anak untuk mendalami kehidupan arwah ayahnya.</p> <p>Peristiwa kedua ialah</p> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/> <hr/>



## **BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI**

### **Soalan Pahang 2023**

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menggambarkan sikap positif sesama manusia.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menggambarkan sikap positif sesama manusia.

Dalam novel Di Sebalik Dinara, peristiwa yang menggambarkan sikap positif sesama manusia ialah peristiwa Shida sentiasa membantu Farisha seperti menghantar Farisha ke stesen monorel dan Soft Lab serta membantu Farisha menyemak dokumen kontrak. Peristiwa ini menunjukkan sikap positif antara rakan serumah yang saling membantu.

Dalam novel Silir Daksina, peristiwa yang menggambarkan sikap positif sesama manusia ialah peristiwa Pak Cik Bakar, Wak Arif, Haji Salim, Cikgu Amirulnizam, Tauke Lim dan penduduk kampung yang lain hidup harmoni dan bekerjasama dalam menjayakan sesuatu aktiviti walaupun berlainan kaum. Peristiwa ini menunjukkan sikap positif antara penduduk kampung dalam bersatu padu.

### **Soalan Johor 2023**

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati dalam kalangan pembaca.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati dalam kalangan pembaca.

Dalam novel Di Sebalik Dinara, peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati ialah peristiwa Farisha dimasukkan mikrocip oleh Karl tanpa ubat bius ketika Farisha masih bayi dengan tujuan menjadikan Farisha seorang genius. Peristiwa ini menimbulkan simpati pembaca kerana seorang anak kecil terpaksa menanggung kesakitan demi mencapai hasrat bapanya.

Dalam novel Silir Daksina, peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati pembaca ialah peristiwa Haiqal dilarang oleh Umi untuk menziarahi jenazah bapa kandungnya yang telah meninggal dunia buat kali terakhir ketika usianya 12 tahun atas alasan dia sedang menduduki UPSR. Peristiwa ini menimbulkan simpati pembaca kerana seorang anak sangat merindui ayah kandungnya yang lama berpisah sejak kecil.



## **BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI**

### **Soalan Perak 2023 / Pasir Gudang 2023 / Perlis 2023**

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kehidupan.

Novel yang saya kaji ialah novel *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor dan novel *Silir Daksina*, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kehidupan.

Dalam novel *Di Sebalik Dinara*, peristiwa yang menimbulkan menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kehidupan ialah peristiwa Azraai bekerjasama dengan ayah dan ibunya menjaga Farisha sejak berumur 2 tahun dan memastikan semua mikrochip kekal dalam tubuh Farisha serta memastikan Farisha bekerja di Soft Lab. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab sebuah keluarga menjalankan amanah yang diberikan dengan baiknya.

Dalam novel *Silir Daksina*, peristiwa yang menimbulkan menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam kehidupan ialah peristiwa Tauke Ong menyerahkan semua hasil kebun kelapa sawit dan buku akaun bank tinggalan Abdullah bin Kayan kepada Haiqal apabila Haiqal tiba di Kampung Seri Purnama. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang rakan yang membantu untuk menjaga harta rakan yang telah meninggal dunia.

### **Soalan SBP 2023**

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca bagi setiap novel.

Novel yang saya kaji ialah novel *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor dan novel *Silir Daksina*, karya Nizar Parman. Terdapat peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca. Terdapat peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca.

Dalam novel *Di Sebalik Dinara*, peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca ialah peristiwa Farisha dimasukkan mikrochip oleh Karl tanpa ubat bius ketika Farisha masih bayi dengan tujuan menjadikan Farisha seorang genius. Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana seorang anak yang kecil terpaksa menanggung kesakitan demi kepentingan bapa kandungnya.

Dalam novel *Silir Daksina*, peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca ialah peristiwa Umi melarang Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama untuk menjejaki kehidupan arwah ayahnya dan mengugutnya tidak akan memberikan wang belanja kepada Haiqal. Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca kerana hajat anak tidak direstui oleh seorang ibu.



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

### Plot Novel

<b>Bahagian</b>	<b>Di Sebalik Dinara</b>	<b>Silir Daksina</b>
Permulaan	<p>Cerita dimulakan dengan memperkenalkan watak Farisha dan Aqram yang berkenalan di dalam kapal terbang dari Senai ke KLIA. Mereka seterusnya berjumpa lagi dalam sebuah konvensyen komputer yang dijalankan keesokkannya. Aqram menawarkan Farisha menjadi jururunding sebuah projek mini yang sangat bernilai di Soft Lab kepada syarikat milik Farisha.</p>	<p>Haiqal menerima sebuah manuskrip lama daripada pengirim Ong See Hwa dari Johor. Haiqal mendapati bahawa kisah yang terdapat dalam manuskrip tersebut seakan-akan benar berlaku dan menceritakan kisah hidup arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan tetapi kisah itu dimainkan oleh watak Cikgu Nizam. Haiqal bertekad untuk pulang ke Johor untuk menjejak warisan ayahnya walaupun niat itu ditentang oleh uminya.</p>
Perkembangan	<p>Perkembangan novel ini digambarkan melalui watak Farisha menghantar e-mel kepada Aqram untuk berbincang tentang projek mini yang dibincang sebelum ini. Farisha dan Rosman sangat terkejut dan teruja apabila mengetahui bahawa nilai projek yang ditawarkan kepada mereka sebanyak RM1.5 juta. Farisha dan Rosman kemudiannya dibawa oleh Aqram berjumpa dengan Dr Maxi. Farisha terkejut apabila Dr Maxi mengetahui peristiwa Farisha berjaya menggodam sistem data Bank Sapurba. Selepas itu, mereka berdua dibawa ke sebuah bilik kaca dan telah menemui Karl yang terlantar kerana mengidap penyakit barah usus. Farisha diberikan tanggungjawab menggodam sistem Dinara dengan dibantu oleh Aqram dan Shida. Pelbagai maklumat tentang projek Dinara yang perlu diketahui oleh Farisha.</p>	<p>Haiqal disambut baik oleh penduduk Kampung Seri Purnama terutamanya Tauke Ong. Malah Tauke Ong memberikan kepercayaan kepada Haiqal untuk mengurus wang simpanan, hasil jualan kelapa sawit dan kebun kelapa sawit. Haiqal telah mengenali anak Tauke Ong, iaitu Ong See Hwa. Haiqal mendapati bahawa perwatakan Ong See Hwa mirip dengan watak Ai Ling. Lazim dan Ong See Hwa telah menunjukkan kisah hidup Abdullah bin Kayan melalui pameran di balai raya lama. Haiqal mendapati bahawa arwah bapanya merupakan orang yang terkenal dalam bidang seni dan sastera malah diiktiraf oleh kerajaan negeri.</p>
Klimaks	<p>Azraai telah memberikan satu fail peninggalan arwah ayahnya. Dalam fail tersebut mengandungi butiran permohonan untuk mengambil Farisha sebagai anak angkat. Azraai membuka rahsia bahawa ibu kandung Farisha sebenarnya ialah Marilyn/Medina, keturunan Portugal. Ketika berada di hospital, Farisha dilarikan oleh Azraai untuk memastikan keselamatan Farisha tetapi kemudiannya diculik oleh Farid dan Amin untuk dibawa berjumpa dengan ibunya. Azraai telah meminta bantuan Rosman untuk mencari Farisha. Medina/Marilyn</p>	<p>Haiqal dan penggiat tarian zapin seperti Pak Cik Bakar dan Haji Salim telah bersepakat untuk mengadakan persembahan tarian zapin. Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh ketua kampung malah ketua kampung turut mengundang ahli dewan undangan negeri untuk hadir bagi memeriahkan persembahan tersebut. Ketika hari persembahan, pasangan Haiqal, iaitu Lazim telah ditimpa kemalangan. Ong See Hwa menggantikan Lazim pada saat akhir. Haiqal dan Ong See Hwa telah menarikan tarian zapin sehingga ada</p>



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

	<p>telah berhubung dengan Farisha semasa Farid dan Amin dalam perjalanan membawa Farisha. Di Soft Lab, Alia mencuba mengetahui kisah Karl melalui Shida yang mempunyai hampir 20 tahun ingatan Karl. Shida menceritakan kekesalan diri Karl yang telah menyeksa Alia. Alia merupakan isteri Karl yang bernama Rusmina sebelum ditukarkan menjadi Alia. Farisha akhirnya berjumpa dengan ibunya Marilyn/Medina yang hampir membunuhnya dulu.</p>	<p>sebilangan penduduk kampung yang berasa terharu kerana terkenangkan arwah Abdullah bin Kayan. Umi, walid, dan Nurul Aisyah juga turut hadir untuk menyaksikan persembahan zapin tersebut. Umi juga telah ke kubur Abdullah bin Kayan dan umi telah mengaku kesilapannya memisahkan Haiqal daripada bapa kandungnya kerana darahnya turut mengalir dalam tubuh Haiqal.</p>
Peleraian	<p>Peleraian dalam novel ini diperihalkan melalui watak Dr Maxi yang berita daripada Dr Haris bahawa Karl semakin tenat di rumahnya. Farisha bertemu ayah kandungnya Karl yang semakin tenat. Medina/Marilyn menyesal kerana meninggalkan Karl. Karl akhirnya meninggal dunia pada pukul 7.00 malam. Mayat Karl dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka atas permintaan Karl. Selepas upacara tersebut, Farisha mulai perasaan bahawa Shida membisu saja sejak semalam. Rupa-rupanya "Karl" masih berada di dalam tubuh Shida dan Karl meminta supaya Farisha tidak berasa risau akan keadaan Shida dan mahu Farisha menyelamatkan sistem Dinara di Soft Lab.</p>	<p>Haiqal meninggalkan Kampung Seri Purnama kerana mendapat tawaran melanjutkan pelajaran dalam bidang keguruan di sebuah universiti di Sarawak. Ratna pula telah bertunang dengan usahawan muda.</p>



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

### Peristiwa-peristiwa berdasarkan PLOT

Bahagian	Di Sebalik Dinara	Silir Daksina
Permulaan & Perkembangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Persitiwa Aqram mengambil bekas minuman Farisha untuk menjalankan ujian DNA               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aqram berusaha untuk menjejaki 寻找 Farisha atas arahan Dr Maxi. Bekas minuman 杯 Farisha diambil untuk menguji air liur 口水 Farisha sama ada dia ialah orang yang hendak dicari oleh mereka atau tidak. Setelah diuji untuk kali kedua di makmal Dr Maxi, telah sah 确定 bahawa Farisha ialah orang yang dicari.</li> </ul> </li> <li>2. Persitiwa Aqram menawarkan 提供 satu projek lumayan 丰富 bernilai RM1.5 juta kepada Farisha dan Rosman.               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Agenda 事件 tersembunyi 隐藏 membawa Shida dan Farisha bekerja di Soft Lab. Pelbagai peristiwa tragis 恐怖/可怕 dilalui oleh Farisha dan rakannya Shida sepanjang bekerja di Soft Lab.</li> </ul> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peristiwa Haiqal menerima sebuah manuskrip               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Haiqal menerima sebuah manuskrip secara pos daripada pengirim Ong See Hwa dari Johor. Haiqal mendapati bahawa kisah yang terdapat dalam manuskrip tersebut seakan-akan benar berlaku dan menceritakan kisah hidup arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan.</li> </ul> </li> <li>2. Peristiwa Umi melarang Haiqal ke Johor               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Umi tidak menyokong tindakan Haiqal ke Johor untuk mencari bapa kandungnya iaitu Abdullah bin Kayan kerana risau akan keselamatan anaknya kerana tiada kenalan 认识的人 atau saudara-mara di sana sehingga berlaku perbalahan 争吵 antara Haiqal dan Umi. Umi juga tidak akan memberikan wang belanja kepada Haiqal jika Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama.</li> </ul> </li> </ol>
Klimaks	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peristiwa Farisha dijemput makan malam di rumah abangnya               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada malam itu, Azraai telah menyerahkan satu fail peninggalan 遗留 arwah 已故 ayahnya kepada Farisha. Azraai telah memberitahu Farisha bahawa Farisha ialah anak angkat. Farisha berusaha untuk mengetahui identiti ibu bapa kandungnya. Akhirnya, Farisha telah mengetahui Karl dan Medina ialah ibu bapa kandungnya.</li> </ul> </li> <li>2. Peristiwa Shida menjalani komunikasi dengan Karl.               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semasa Farisha terlantar di hospital, Shida dipanggil oleh Dr Maxi untuk membantu mereka berkomunikasi dengan Karl. Namun begitu, sesuatu yang tidak dijangka</li> </ul> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peristiwa See Hwa menggantikan Lazim untuk menari zapin               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketika hari persembahan, pasangan Haiqal, iaitu Lazim telah ditimpa kemalangan. Ong See Hwa menggantikan Lazim pada saat akhir. Haiqal dan Ong See Hwa telah menarikan tarian zapin sehingga ada sebilangan penduduk kampung yang berasa terharu kerana terkenangkan arwah Abdullah bin Kayan.</li> </ul> </li> <li>2. Peristiwa Umi, walid dan Nurul Aisyah hadir di persembahan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Umi, walid, dan Nurul Aisyah juga turut hadir untuk menyaksikan persembahan zapin tersebut. Haiqal tidak menduga kehadiran mereka bertiga. Haiqal ingin muzik zapin yang mengiringi tariannya segera tamat kerana dia ingin</li> </ul> </li> </ol>



## BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

	<p>telah berlaku kepada Shida ketika sesi itu berlangsung.</p> <p>3. Peristiwa Farisha dilarikan oleh Azraai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Farisha telah dilarikan oleh Azraai dari hospital untuk menjamin keselamatannya. Hal ini adalah kerana Medina ingin menculik Farisha.</li> </ul>	<p>memeluk ketiga-tiga orang yang dirindunya.</p>
<p>Peleraian</p>	<p>1. Peristiwa Karl semakin tenat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dr Maxi menerima berita daripada Dr Haris bahawa Karl semakin tenat di rumahnya. Farisha bertemu ayah kandungnya Karl yang semakin tenat. Medina/Marilyn menyesal kerana meninggalkan Karl. Karl akhirnya meninggal dunia pada pukul 7.00 malam.</li> </ul> <p>2. Peristiwa Shida dipengaruhi oleh ingatan Karl</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Farisha mulai perasaan bahawa Shida membisu saja sejak semalam. Rupa-rupanya "Karl" masih berada di dalam tubuh Shida dan Karl meminta supaya Farisha tidak berasa risau akan keadaan Shida dan mahu Farisha menyelamatkan sistem Dinara di Soft Lab.</li> </ul>	<p>1. Peristiwa Haiqal ditawarkan melanjutkan pelajaran ke universiti.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Haiqal telah diberi tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke sebuah universiti di Sarawak. Berkat keputusan STPMnya yang cemerlang, barulah Haiqal memperoleh peluang tersebut.</li> </ul>